

07 FEB 2003

Khair-Aman (Bergambar)

KEMPEN AMAN MALAYSIA SASARKAN 200,000 HADIRI PERHIMPUNAN

KUALA LUMPUR, 7 Feb (Bernama) -- Perikatan Keamanan Malaysia mensasarkan seramai 200,000 orang menghadiri perhimpunan keamanan rakyat Malaysia di Stadium Nasional Bukit Jalil 23 Feb ini.

Pada perhimpunan itu, sejuta tandatangan dan memorandum rakyat Malaysia akan diserahkan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk dibentangkan pada Sidang Kemuncak Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM) dari 20 hingga 25 Feb.

Menteri Besar Selangor Datuk Seri Dr Mohamad Khir Toyo, selaku pengerusi penganjur Kempen Sejuta Tandatangan Aman Malaysia, berkata beliau yakin jumlah kehadiran yang disasarkan akan tercapai memandangkan sokongan padu yang diberikan pelbagai pihak dalam menjayakan kempen itu.

"Setakat ini sebanyak 1,050 badan bukan kerajaan (NGO) telah menyatakan persetujuan untuk bersama-sama kita menjayakan kempen ini," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat khas perhimpunan anjuran Aman Malaysia itu di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini hari ini.

Dr Mohamad Khir berkata usaha itu sebagai membuktikan rakyat Malaysia tidak suka kepada peperangan dan penindasan yang dilakukan oleh negara berkuasa terhadap negara kecil dan lemah.

Kempen Sejuta Tandatangan Aman Malaysia dijalankan dengan kerjasama Pertubuhan Belia 4B dan Pertubuhan Kelab-Kelab Belia Malaysia (MAYC) sebagai membantah serangan Amerika Syarikat terhadap Iraq dan isu pembebasan Palestin.

Acara kemuncak pada majlis yang dijadual bermula pukul 5 petang itu ialah amanat keamanan rakyat Malaysia daripada Perdana Menteri yang akan disiarkan secara langsung di televisyen, katanya.

"Ucapan Perdana Menteri ini juga akan disiarkan melalui skrin di hotel-hotel penginapan delegasi asing yang hadir untuk persidangan NAM," katanya.

Beliau berkata penganjur juga telah mendapatkan kerjasama LRT Star untuk melanjutkan perkhidmatan sehingga pukul 3 pagi bagi kemudahan orang ramai.

-- BERNAMA
LIB MFJ RON